

WORLD RELIGIONS IN PRACTICE: A COMPARATIVE INTRODUCTION oleh Paul Gwynne. USA: Wiley, 2018. Halaman 363. ISBN 978-1-118-97226-7.

Buku ini merupakan hasil tulisan Paul Gwynne yang merupakan seorang ahli akademik di University of New South Wales. Ia mengandungi 13 bab termasuk pendahuluan dan penutup. Perbincangan tentang manusia tidak pernah sepi daripada membahaskan berkenaan agama-agama yang dianuti oleh manusia. Agama merupakan sistem kepercayaan yang diikuti dengan upacara ritual dan tidak ketinggalan perayaan-perayaan yang diraikan menurut tradisi kepercayaan agama masing-masing. Kehidupan dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama kadangkala menyebabkan salah faham dan seterusnya mewujudkan suasana tidak harmoni dalam umat beragama. Rentetan daripada itu, pengetahuan asas tentang agama lain adalah penting bagi meningkatkan rasa hormat menghormati serta sikap toleransi dalam menjaga hubungan antara agama.

Pandangan yang mengatakan Barat merupakan perintis kepada penulisan berkenaan agama-agama adalah satu salah faham dalam kajian agama. Ilmuan-ilmuan Islam telah mulai terlebih dahulu menulis berkenaan agama-agama seperti al-Shahrastani (1086-1158), Ibn Hazm (994-1064), al-Qarafi (1228-1285) dan lain-lain lagi. Adapun di Barat penulisan perbandingan agama mula berkembang pada abad ke-17 dengan Max Muller (1823-1900), Edward Burnett Tylor (1832-1917), Rudolf Otto (1869-1937), Ninian Smart (1927-2001) dan sebagainya.

Jelasnya, pendekatan yang digunakan oleh cendekiawan Islam dan Barat berbeza di mana dalam mengkaji secara objektif sesebuah agama, penilaian terhadap sesebuah agama perlu juga diberi penekanan dalam memahami kedudukan agama tersebut daripada perspektif Islam. Adapun menurut perspektif Barat, objektiviti dalam mengkaji sesebuah agama tidak harus dimasukkan elemen penilaian menurut pegangan pengkaji sendiri.

Buku ini membincangkan enam agama utama iaitu Yahudi, Kristian, Islam, Hindu, Buddha dan Dao secara perbandingan dalam 11 tema perbahasan iaitu imej, kitab, etika, kelahiran, kematian, perkahwinan, makanan, pemakaian, tahun, rumah ibadat dan juga ritual tahunan ke rumah ibadat utama. Penulis membincangkan setiap tema menerusi perspektif keenam-enam agama dan kemudiannya dirumuskan melalui analisis perbandingan. Walaupun menggunakan metodologi perbandingan, penulis jelas mengakui keunikan setiap ajaran agama dan bersifat objektif dalam perbandingan yang dilakukan. Penulis kemudian mengeluarkan persamaan dan perbezaan setiap agama berdasarkan kepada tema-tema yang dipilih.

Menurut penulis, menekankan perbezaan di antara agama penting dalam meletakkan keunikan setiap agama dan memahami setiap agama itu mempunyai perbezaan-perbezaan yang tersendiri. Sebagai contoh setiap agama mempunyai kitab seperti Quran, Bible, Daode Jing dan Tripitaka tetapi kesemuanya adalah berbeza antara satu sama lain. Kesemua agama mempunyai rumah ibadat tersendiri seperti masjid, gereja, mandir, sinagog dan lain-lain namun setiap bangunan mempunyai ciri-ciri yang berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan bukan sahaja berlaku dalam agama-agama tetapi di antara mazhab-mazhab dalam setiap agama juga turut berbeza dalam beberapa hal.

Adapun persamaan dalam agama-agama juga dapat dikesan melalui sejarah kewujudan sesebuah agama sebagai contoh terdapat persamaan dalam ajaran Hindu dan Buddha kerana ajaran Buddha berasal daripada ajaran Hindu di mana kedua-duanya mempunyai kepercayaan terhadap kelahiran semula selepas kematian. Dalam meneliti persamaan di antara agama,

penulis mendapati sejarah merupakan salah satu elemen yang menjadi penghubung kepada agama-agama di dunia. Agama Yahudi dan Kristian jelas mempunyai hubungkait rapat di antara keduanya kerana berkongsi susur galur keturunan para nabi dan rasul dari bangsa Israel. Persamaan yang jelas juga adalah dari aspek pegangan kepada kitab di mana sebahagian kitab yang digunakan kedua-dua agama merupakan kitab yang sama kerana mereka berkongsi sejarah yang sama.

Selain itu, agama Hindu dan Buddha juga antara agama yang berkongsi sejarah yang sama di mana agama Buddha berasal daripada ajaran Hindu namun atas faktor penolakan terhadap konsep kasta dan konsep politeisme dalam Hindu, Siddharta Gautama Buddha mengasaskan ajaran yang berlainan. Jika diteliti antara doktrin Hindu dan Buddha, jelas menunjukkan terdapat persamaan di antara keduanya khususnya daripada aspek eskatologi. Kedua-dua agama mempercayai konsep kelahiran semula di mana ketentuan manusia terletak kepada karma mereka. Sekiranya seseorang mempunyai karma yang baik, beliau akan mencapai penghujung yang baik. Bezanya, Buddha menganggap penghujung yang baik adalah nirvana iaitu penghapusan nafsu dari dalam jiwa. Manakala Hindu pula menganggap penghujung yang baik adalah bersatunya manusia dengan Tuhan.

Walaupun kedua-dua agama mempercayai akan konsep kelahiran semula, namun begitu penghujung kepada keduanya tetap berbeza. Hal ini kerana agama Buddha hanya memfokuskan kepada penghapusan nafsu dari jiwa manusia dan tidak membincangkan tentang aspek ketuhanan. Sebaliknya Hindu jelas menekankan konsep ketuhanan. Persamaannya adalah terletak pada konsep dharma di mana kedua-dua agama mempercayai setiap manusia haruslah memperbaiki etika untuk mencapai penghujung yang baik.

Terdapat juga persamaan di antara Hindu dan Buddha terutamanya dalam konsep rahbaniyah di mana kedua-dua agama menjalankan kehidupan monastik bagi sami mereka. Kedua-dua tradisi ini turut mempercayai ketinggian spiritual pada hakikatnya terletak pada komitmen seseorang dalam menolak sebarang kezaliman berlaku kepada kehidupan termasuk haiwan yang menyebabkan majoriti daripada mereka yang menjalani kehidupan kerahiban tidak mengambil daging sebagai makanan.

Selain itu, persamaan yang ketara juga dapat dilihat pada rumah ibadat kedua-dua agama Hindu dan Buddha di mana kedua-duanya mempunyai imej yang menjadi bahagian utama dalam ritual agama. Penganut Hindu meletakkan dewa-dewa yang mereka puja manakala penganut Buddha pula meletakkan imej Siddharta Gautama Buddha bagi tradisi kepercayaan Theravada manakala patung-patung Boddhisatva dalam tradisi Mahayana. Kesemua imej-imej ini dipercayai dapat membantu penganutnya dalam berhubung dengan realiti. Adapun dalam tradisi keagamaan Yahudi dan Kristian, sama seperti kaitan Hindu dan Buddha, agama Yahudi dan Kristian turut mempunyai hubungan daripada aspek sejarah di mana agama Yahudi merupakan perintis kepada ajaran Kristian hasil daripada susur galur keturunan nabi daripada kalangan bangsa Israel.

Kedua-dua agama Yahudi dan Kristian dianggap sebagai monoteis kerana menyembah tuhan yang satu. Namun begitu terdapat perbezaan daripada aspek keesaan Tuhan di mana dalam ajaran Yahudi Tuhan tidak dirupabentukkan dalam bentuk imej dan patung. Adapun dalam ajaran Kristian Katolik, imej-imej Tuhan jelas dirupakan dalam bentuk patung seperti yang diletakkan di gereja-gereja mereka. Sebaliknya terdapat perbezaan dengan gereja Protestan yang menolak sebarang imej atau ikon yang merujuk kepada Tuhan untuk diletakkan di

dalam gereka mereka. Hal ini kerana Kristian Protestan berpegang kepada *The Ten Commandments* seperti yang termaktub di dalam kitab Perjanjian Lama. Jelas di sini, gereja Protestan lebih serupa dengan sinagog Yahudi yang melarang daripada meletakkan patung di dalam rumah ibadat mereka.

Melihat kepada persamaan yang wujud dalam kepercayaan mereka terhadap kitab menunjukkan bagaimana pada dasarnya nilai serta etika dalam agama Yahudi dan Kristian juga sama. Ianya dibacakan dalam ritual keagamaan kedua-dua agama samada dalam perayaan utama mahupun dalam pertemuan-pertemuan mingguan mereka. Namun begitu, yang membezakan kedua-duanya adalah interpretasi terhadap ayat-ayat yang menyebabkan kepercayaan serta praktis dalam kedua-dua ajaran berbeza.

Berbeza dengan kosep eskatologi Hindu dan Buddha yang mempercayai reinkarnasi, doktrin eskatologi Yahudi dan Kristian mempercayai manusia hanya dihidupkan sekali sahaja selepas kematian dengan jasad dan roh yang sama. Tidak seperti Hindu dan Buddha yang mempercayai roh akan memasuki tubuh yang lain selepas dihidupkan semula. Agama Yahudi dan Kristian juga mempraktikkan pengebumian mayat yang telah mati berbeza dengan ajaran Hindu dan Buddha yang membakar mayat hingga menjadi abu.

Walaupun ajaran Kristian berasal daripada ajaran Yahudi, namun begitu banyak daripada ajaran Kristian yang telah diubah daripada ajaran Yahudi yang asal. Sebagai contoh upacara hari Sabat yang ditukarkan kepada hari Ahad dalam ajaran Kristian dan juga perayaan Passover dan Shavout kepada perayaan Easter dan Pentecost. Pendek kata, ajaran Kristian lebih tertumpu kepada perayaan berkaitan dengan Jesus berbanding ajaran Yahudi lebih tertumpu kepada sejarah orang Israel.

Satu lagi agama semitik yang dibincangkan oleh penulis adalah agama Islam. Penulis menyebutkan Islam sebagai sepupu kepada ajaran Yahudi dan Kristian kerana Islam adalah agama semitik pertama yang dipelopori oleh Nabi Muhammad yang bukan daripada kalangan bangsa Israel. Agama Islam terkait dengan agama Yahudi dan Kristian kerana merupakan sebahagian daripada susur galur keturunan Nabi Ibrahim yang bersifat hanif dalam ertikata lain monoteistik.

Rentetannya, terdapat banyak persamaan di antara Islam dan Yahudi terutama dalam aspek ketuhanan di mana kedua-dua agama menekankan konsep ketuhanan yang esa tanpa menyekutukan Tuhan dan tidak meletakkan sebarang imej untuk diserupakan dengan Tuhan. Buktinya, di masjid dan sinagog tidak dibenarkan untuk meletakkan sebarang imej atau ikon. Selain itu, kedua-dua rumah ibadat diposisikan menghadap ke arah yang khusus, iaitu Makkah dan Jerusalem; masjid menghadap ke Makkah manakala sinagog menghadap ke Jerusalem.

Selain itu, terdapat persamaan lain antara Islam dan Yahudi seperti kelahiran di mana setiap bayi yang lahir harus dikhitankan yang diambil daripada syariat Nabi Ibrahim. Terdapat juga persamaan di mana terdapat upacara aqiqah dalam Islam yang bertujuan untuk menunjukkan rasa kesyukuran dengan menjamu makan. Begitu juga dalam ajaran Yahudi digalakkan untuk memberikan sedekah atas rasa kesyukuran setelah seorang bayi dilahirkan.

Adapun dalam aspek kehidupan selepas mati, ketiga-tiga ajaran Islam, Yahudi dan Kristian mempunyai persamaan terhadap kebangkitan manusia dari sudut jasad dan roh yang sama yang akan melalui kenikmatan mahupun seksaan atas perbuatan yang dilakukan semasa di dunia. Kedua-dua agama Islam dan Yahudi juga berkongsi persamaan dalam bab pemakanan dalam menentukan makanan-makanan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama iaitu berkenaan konsep halal dan kosher. Secara umumnya, apa yang halal dalam Islam adalah sama dengan apa yang kosher bagi Yahudi. Hanya terdapat sedikit perbezaan di mana dalam agama Yahudi sebahagian tubuh lembu tidak boleh dimakan yang menunjukkan hukum pemakanan mereka lebih tegas daripada Islam.

Berbeza dengan ajaran Islam dan Yahudi, agama Kristian menurut penulis walaupun lahir daripada susur galur keturunan Nabi Ibrahim yang sering digelar sebagai *Abrahamic Faith*, namun terdapat perbezaan antara Islam dan Yahudi. Perbezaan yang ketara adalah dalam konsep ketuhanan trinititi yang pada dasarnya lebih mirip kepada konsep trimurti dalam Hindu walaupun kedua-dua agama tetap mengakui konsep ketuhanan mereka bersifat monoteistik. Sepertimana Hindu yang menyembah lebih tiga juta tuhan tetap mengakui tuhan yang satu yang menciptakan alam adalah Brahman dan tuhan-tuhan yang wujud di dunia hanya merupakan manifestasi tuhan, begitu juga konsep trinititi yang mempercayai ketiga-tiga entiti dalam trinititi merujuk kepada tuhan yang satu.

Kepercayaan ini juga serupa dengan konsep ketuhanan dalam ajaran Dao di mana dewa-dewa sembah penganut Dao dianggap sebagai emanasi daripada Dao sebagai permulaan segala kejadian. Persamaan lain antara Kristian dan Hindu juga dapat dilihat menerusi konsep kerahiban dalam kedua-dua ajaran dan termasuk ajaran Buddha di mana ianya dilihat bertentangan dengan ajaran Islam dan Yahudi.

Secara keseluruhan, penulisan buku ini jelas menunjukkan penggunaan metode perbandingan dalam mengeluarkan persamaan serta perbezaan antara agama-agama yang dikaji. Metode pensejarahan juga jelas digunakan oleh penulis apabila beliau mengelompokkan agama-agama tersebut kepada dua bahagian iaitu agama Islam, Yahudi dan Kristian sebagai satu kelompok dan Hindu, Buddha serta Dao pula pada satu kelompok yang lain atas dasar perkembangan agama-agama tersebut dalam lipatan sejarah. Penulis juga turut membuat perbandingan antara dua kelompok agama ini menunjukkan analisis perbandingan yang kritis dalam usaha memahami agama-agama tersebut daripada aspek-aspek tertentu. Selain itu, pendekatan kajian sosio budaya yang digunakan oleh penulis sangat menekankan bahawa setiap agama mempunyai keunikannya tersendiri dan perlu difahami dalam konteks agama tersebut. Kerencaman sosio budaya dalam masa yang sama tidak menafikan terdapatnya persamaan antara agama yang berasal daripada rumpun yang berbeza menunjukkan kebarangkalian pengaruh sesebuah agama terhadap agama lain dapat dilihat daripada konteks yang berbeza.

Adapun dalam perspektif Islam perkembangan agama-agama di dunia ini dapat dilihat pada asalnya berasal daripada satu rumpun yang sama iaitu ajaran kenabian sejak daripada zaman Nabi Adam a.s yang membawa panji ketauhidan. Namun kepercayaan kepada konsep ketauhidan ini telah diselewengkan pada akhirnya menyebabkan penyelewengan berlaku dan akhirnya kepercayaan-kepercayaan tersebut tersebar secara berleluasa. Agama-agama yang terseleweng ini adalah akibat daripada kealpaan manusia dalam menggunakan akal mencari agama yang sejajar dengan fitrahnya lalu terjerumus dalam ikatan hawa nafsu mereka.

Secara umumnya agama-agama yang terseleweng ini dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama yang bersifat politeis, kedua, yang mengikut budaya nenek moyang dan ketiga yang bersifat kebangsaan. Agama yang dianggap politeis seperti agama Hindu, Kristian dan Dao walaupun ketiga-tiga agama ini mempercayai Tuhan mereka merupakan manifestasi daripada satu tuhan, namun secara asasnya terdapat lebih daripada satu tuhan. Seterusnya agama yang cenderung kepada nenek moyang adalah agama yang bersifat animistik seperti Hindu dan Dao. Adapun agama yang berdasarkan kepada bangsa adalah seperti agama Yahudi dan Shinto. Kesemua ajaran-ajaran ini jelas adalah bertentangan dengan ajaran wahyu yang bersifat hanif.

Kajian agama daripada aspek perkembangan agama jelas berbeza di antara Islam dan juga Barat. Kajian di Barat menganggap agama berkembang daripada kepercayaan animisme kemudian berevolusi kepada kepercayaan politeisme dan seterusnya monoteisme. Kerangkan sebegini adalah pendekatan yang diambil oleh golongan antropologis dan juga sosiologis. Sememangnya tidak salah untuk mengkaji agama daripada aspek sosial dan antropologi namun sebagai pengkaji Islam, kefahaman bahawa agama itu berkembang dan berevolusi sejajar dengan perkembangan masyarakat semata-mata adalah tidak tepat. Yang lebih tepat dalam Islam adalah penyelewengan yang berlaku daripada ajaran asal yang diturunkan melalui wahyu yang menyebabkan kekufuran berlaku terhadap konsep ketauhidan. Sebaliknya, kajian di Barat menafikan wahyu sebagai asas agama sebaliknya menganggap agama adalah hasil budaya masyarakat setempat yang kemudiannya berevolusi menjadi satu sistem kepercayaan.

Ringkasnya, buku ini secara keseluruhannya dapat memberikan gambaran secara terperinci berkenaan elemen-elemen penting dalam setiap agama besar dunia serta menunjukkan persamaan dan perbezaan di antara agama-agama. Dalam pada itu, penekanan terhadap persamaan di antara agama-agama tidak menafikan bahawa penganut agama masih perlu sedar akan perbezaan yang wujud di antara agama yang tidak boleh dikompromi khususnya dalam bab kepercayaan. Kepercayaan inilah yang membentuk agama dan membuatkan sebuah agama unik dan berbeza daripada agama lain. Satu perkara yang harus diberi penekanan juga dalam dialog antara agama adalah pendekatan yang bersifat objektif tidak semestinya bersifat neutral. Mengetahui persamaan antara agama adalah penting dalam membina jambatan kefahaman serta toleransi dalam masyarakat beragama. Dalam masa yang sama, ianya tidak menafikan sikap teguh dalam prinsip-prinsip agama terutama dalam aspek akidah. Tuntasnya hubungan antara agama boleh disimpulkan dalam slogan ‘teguh pada prinsip, toleransi pada sikap.’

Nurhanisah binte Senin

Jabatan Dakwah dan Usuluddin,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.